

Baca petikan di bawah dan kemudian, lengkapkan perbualan dengan kata nafi dan kata pembenar yang tepat.

Ternakan Kupang

Aiman: Betulkah ayah kamu sedang mengusahakan penternakan kerang. Zarul?

Zarul : Ayah saya _____ mengusahakan penternakan kerang tetapi mengusahakan penternakan kupang.

Lina : Rasanya sudah hampir dua tahun ayah kamu mengusahakan penternak ini. Zarul.

Zarul : _____ Lina. Ayah saya telah mengusahakan penternakan ini hampir dua tahun.

Lina: Saya dapati kawasan penternakan kupang ayah kamu agak luas juga. Ten ayah kamu mempunyai ramai pekerja yang dapat membantunya.

Aiman: Memang _____ Lina. Ayah Zarul mempunyai 20 orang pekerja tempatan yang mahir.

Lina : Bagaimanakah proses menghasilkan kupang ini, Zarul?

Zarul : Begini, Lina. Ayah saya hanya meletakkan benih kupang ke dalam air Kemudian, kupang itu dibiarkan membesar dengan sendiri. Apabila sudah matang, kupang-kupang itu akan dikutip.

Lina : Saya melihat ayah kamu meletakkan tali ke dalam air. Mengapakah begitu Zarul?

Zarul : _____ Lina. Ayah saya menggunakan sistem rawai untuk menternak kupang.

Aiman : _____ kah kupang biasanya ditenak secara sistem rakit?

Zarul : Menurut kata ayah saya, menternak kupang dengan cara sistem rawai lebih murah kosnya daripada sistem rakit.

Aiman : Tentu ayah kamu memperoleh pendapatan yang lumayan kerana harga kupang di pasaran agak tinggi.

Zarul : _____ juga , Aiman. Kadang-kadang, kami juga mengalami kerugian kerana kupang-kupang ini sering gugur dari rawai sebelum cukup matang. Selain itu, pukulan ombak yang kuat juga akan merosakkan ternakan ini.

Lina : Janganlah kamu sekeluarga berputus asa. Teruskan usaha untuk menghasilkan kupang yang berkualiti.

Zarul : Baiklah, Lina, Aiman. Terima kasih atas sokongan kamu berdua.